

PENCALONAN ANUGERAH PENGAJARAN 2023

Anugerah Pengajaran bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf staf akademik yang telah mencapai kecemerlangan dalam pengajaran di UTM. Anugerah ini diberikan kepada tiga orang staf akademik yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut kategori berikut:

- 1) KATEGORI KEJURUTERAAN
- 2) KATEGORI SAINS DAN TEKNOLOGI
- 3) KATEGORI SAINS SOSIAL

NILAI ANUGERAH

Penerima anugerah akan menerima:

1. Wang tunai berjumlah RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja)
2. Trofi
3. Sijil

KAEDAH PENCALONAN

1. Setiap pencalonan mesti menggunakan borang yang disediakan dan mengandungi alasan-alasan yang menyokong calon daripada sekurang-kurangnya seorang penyokong.
2. Pencalonan boleh diterima daripada mana-mana yang di bawah:
 - Pelajar tahun/semester akhir
 - Jabatan/Fakulti
 - Staf akademik
 - Staf Pengurusan Profesional & Pelaksana
 - Diri sendiri (dengan sokongan fakulti)
3. Pencalonan diri sendiri hendaklah melalui sokongan fakulti.
4. Pengalaman mengajar hendaklah tidak kurang daripada **8 tahun** (Tahun Cuti Belajar dan Cuti Sabatikal tidak diambil kira).
5. Borang pencalonan boleh di dapat di <https://utmcdex.utm.my/anugerah-pengajaran/>

TARIKH TUTUP PENCALONAN

Pengisian dan penyerahan borang bermula dari **18 Mac ~ 28 April 2024**

Proses perakuan, penyerahan borang dan Portfolio Pengajaran perlu dihantar ke UTM CDex pada atau selewat-lewatnya **28 April 2024**

KRITERIA PEMILIHAN

Anugerah ini diberikan berdasarkan kriteria yang menunjukkan penglibatan lestari dalam kualiti pengajaran seperti di bawah. Calon dikehendaki mengemukakan bukti-bukti kecemerlangan dalam kesemua kriteria di bawah. Penilaian bagi Anugerah Pengajaran adalah berdasarkan **6 kriteria** berikut:

- ◆ Falsafah pengajaran dan pembelajaran.
- ◆ Strategi keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.
- ◆ Kreativiti* dan inovasi** serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran.
- ◆ Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan.
- ◆ Penambahbaikan pengajaran/ penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional.
- ◆ Kesarjanaan dalam pengajaran/ penyeliaan dan penilaian.

*Kreativiti ialah penjanaan idea atau teknik atau strategi baru dalam pembelajaran dan pengajaran serta penilaian. Kreativiti diukur berdasarkan kebaharuan idea dan penggunaan unsur-unsur terbaharu (seperti teknologi / ICT / strategi pengajaran terkini) dalam pengajaran dan pembelajaran serta penilaian.

**Inovasi ialah usaha menambah nilai pembelajaran dan pengajaran serta penilaian bagi kursus-kursus yang diajar. Kejayaan inovasi diukur berdasarkan impaknya terhadap meningkatkan motivasi dan kualiti pembelajaran pelajar

MAKLUMAT LANJUT



Layari <https://utmcdex.utm.my/anugerah-pengajaran/>

Telefon: 07-5537879 / 07-5537858

Emel: nurul.nazihah@utm.my / priscilla@utm.my

atau hubungi: Penolong Pendaftar

Pusat Pemajuan Pembelajaran Digital
dan Fleksibel (UTM CDex)
Bangunan Pusat SiswaZah (Blok F54)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru

